

U B346 DEB
BN - BINCANG

KUALA LUMPUR, 9 APRIL (BERNAMA) -- MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL HARI INI TIDAK MEMBINCANGKAN SOAL PILIHAN RAYA UMUM ATAU PUN PEMBAHAGIAN KERUSI DI KALANGAN PARTI-PARTI KOMPONENNYA DALAM PILIHAN RAYA ITU NANTI.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA +MASIH TERLALU AWAL UNTUK MEMBINCANGKAN PEMBAHAGIAN KERUSI+.

KETIKA MENJAWAB SOALAN PARA PEMBERITA SELEPAS BELIAU MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT ITU DI MENARA DATUK ONN DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA PERLANTIKAN TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA TIDAK DIBINCANGKAN.

MENGENAI SPEKULASI TENTANG PEMBUBARAN PARLIMEN, BELIAU SECARA BERSELOROH BERKATA, +KITA BARU SAHAJA MENGECAT SEMULA BANGUNAN PARLIMEN DAN TIDAK MAHU MEMBUBARKANNYA...IA KELIHATAN CANTIK.+

MENURUTNYA, MESYUARAT ITU TIDAK MEMPUYAI BANYAK AGENDA TETAPI PERBINCANGAN TERTUMPU KEPADA SOAL MEMPERTIMBANGKAN PERMOHONAN USNO, PBS DAN EMPAT LAGI PARTI IAITU PASOK, PARTI CINA SABAH, PARTI CINA BERSATU SABAH DAN PARTI MURUT UNTUK MENGANGGOTAI BARISAN NASIONAL.
-- LAGI.

2317MST 09 04 86

U B347 DEB
BN - BINCANG 2 KUALA LUMPUR

YANG TURUT HADIR PADA SIDANG AKHBAR ITU IALAH SETIAUSAHA AGUNG BARISAN NASIONAL, ENCIK GHAFAR BABA, PRESIDEN MCA, ENCIK TAN KOON SWAN, PRESIDEN BERJAYA, DATUK HAJI MOHAMED NOOR MANSOR DAN BEBERAPA ORANG LAGI PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BN.

WAKIL KESEMUA 11 PARTI KOMPONEN BN MENGHADIRI MESYUARAT ITU YANG BERMULA PADA KIRA-KIRA 5 PETANG.

YANG MULA-MULA HADIR IALAH PERWAKILAN PARTI PROGRESIF RAKYAT (PPP) YANG DIKETUAI OLEH PRESIDEN SARUNYA, ENCIK YEE AN CHUAN DISUSULI OLEH TIMBALAN PRESIDEN PARTI PESAKA BUMIPUTRA BERSATU SARAWAK (PBB) DATUK ALFRED JABU.

PRESIDEN PBB DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD TIBA TIDAK LAMA KEMUDIAN.

ANTARA LIMA ORANG ANGGOTA PERWAKILAN UMNO IALAH DUA NAIB PRESIDENNYA, DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR AHMAD DAN DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI MANAKALA PERWAKILAN MCA SELAIN ENCIK TAN IALAH TIMBALAN PRESIDEN DATUK DR. LING LIONG SIK DAN SETIAUSAHA AGUNG, DATUK LEE KIM SAI. PERWAKILAN MIC PULA DIKETUAI OLEH PRESIDENNYA, DATUK S. SAMY VELLU. -- BERNAMA.

2319MST 09 04 86